



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3/2/2012

SuaraBlog

ADUN Pas bagi angpau tak kena tempat

BEBERAPA blog mendedahkan gelagat wakil-wakil rakyat Pas yang sanggup turun padang ke pasar-pasar menjual babi untuk menyerahkan angpau kepada orang Cina, yang seperti kata blog **Darul Ehsan Today** (darulehsantoday.blogspot.com) semata-mata bagi meraih undi kaum tersebut.

"Punyalah Pas nak sokongan pengundi Cina sampai terpaksa masuk ke pasar babi. Cina kalau betul nak undi kau, dia akan tetap undi, tak perlulah gadaikan raaruah orang Islam dengan menagih undi sampai ke pasar babi.

"Aku rasa orang Cina di situ pun pelik. Inilah pertama kali orang Melayu (Islam) masuk pasar babi. Sebelum ini jangan kata nak masuk, melintas pasar babi pun orang Melayu tak nak. Tetapi akhirnya ada juga Melayu macam ADUN Pas ini yang sanggup masuk pasar babi," katanya.

Di bawah isu yang sama, blog **Double-Y** (yuseriyusoff.blogspot.com) berkata, Pas kini semakin terdesak untuk meraih sokongan kerana sadar masyarakat bukan Islam mula jatuh hati menyokong perjuangan mereka yang dilihat semakin liberal sejak berkawan dengan DAP dan PKR.

Katanya, memandangkan undi dari orang Islam semakin jauh ditambah dengan serangan oleh Datuk Dr. Hasan Ali menyebabkan pemimpin Pas terpaksa meredah pasar-pasar babi, bersalaman dengan penjual daging babi walaupun mereka tahu babi dikategorikan sebagai najis berat dalam ajaran Islam.

"Kenapa mereka tidak menunggu para penjual daging babi ini selesai urusan perniagaan mereka, lalu dikumpulkan mereka di satu tempat dan dari situ agihlah angpau sebanyak mana mereka mahu? Mungkin semua ini dilakukan atas arahan pihak tertentu, yang mahukan Pas dilihat sentiasa bersikap terbuka.

"Enam tahun hubungan Pas dan DAP terjalin, apa yang orang Islam dapat hari ini. Kita hanya dapat melihat kesucian agama kita diperkotak-katikkan oleh mereka hanya untuk mendapatkan undi bukan Islam, katanya.

Blog **Malay Delima** (malaydelima.blogspot.com) pula pelik dengan sikap pemimpin Pas yang sanggup turun ke pasar-pasar bab memberi angpau untuk memperlihatkan mereka sebagai 'parti celik budaya' tetap

pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri tidak pula kelihatan kelibat pemimpin Pas menyampaikan sumbangan kepada peniaga Islam di pasar.

"Bila orang cakap Pas parti tunggangan DAP marah tetapi segala perbuatan dan keputusan yang dibuat oleh Pas semuanya menunjukkan ke arah itu. Apa saja perkara yang hendak dibuat oleh Pas perlu mendapat restu DAP walaupun ia untuk (kebaikan) orang Islam sendiri," katanya.

Sementara itu, las Salleh (semaremas.blogspot.com) pelik dengan kenyataan Timbalan Pengerusi DAP, Tan Seng Giaw yang mempersoalkan keimanan Hasan Ali selepas bekas Pesuruhjaya Pas Selangor itu didakwa menuduh pembangkang bercita-cita mahu menjadikan Malaysia sebuah negara republik.

Katanya, perkara-perkara sedemikian (orang kafir mempersoalkan keimanan seorang muslim) tidak berlaku semasa Barisan Nasional (BN) menguasai dua pertiga majoriti di Parlimen dan ia juga tidak berlaku jika Pas dan PKR sendiri tidak menggalakkannya.

"Bahayanya komen Tan Seng Giaw itu

kerana beliau memberikan pandangan yang mampu memesonkan akidah umat Islam. Adakah mengkritik pakatan bermakna seseorang Islam itu gugur imannya?

"Parti Adat & Sukan perlu menjawab persoalan ini. Tan Seng Giaw perlu memohon maaf kepada semua umat Islam! Tan Seng Giaw mendahului semua institusi agama Islam yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia!

"Adakah Tan Seng Giaw kini turut berkongsi portfolio Hal Ehwal Agama Islam Selangor bersama Khalid (Ibrahim)," katanya.

Blog **Semut Hitam** (semuthitam80.blogspot.com) pula secara sinis berkata, pakatan pembangkang sedikit pun tidak terganggu dengan Hasan Ali dan atas sebab itulah sehingga ada pemimpin DAP mengeluarkan kenyataan yang mempersoalkan keimanan Hasan.

"Kalau mereka betul-betul tidak terganggu, kenapa mereka sibuk sangat nak mempertikaikan tentang Hasan ini? Kenapa beria-ia sangat mereka nak kecam beliau?

"Itu semua hanya membuktikan yang mereka sebenarnya terganggu dengan apa yang didedahkan oleh Hasan. Mereka takut

rahsia mereka bocor," katanya.

Justeru, katanya, pihak pembangkang tidak perlu bersusah payah untuk menipu rakyat Malaysia konon parti mereka tidak terganggu dengan kempen penerangan bekas Exco Kerajaan Negeri Selangor itu kerana rakyat bukanlah bodoh.

Blog **Braveheart** (braveheart-blogger.blogspot.com) menulis bahawa Pas kini semakin rungsing sejak Hasan menubuhkan NGO "Jati" yang dalam masa singkat membawa penyokong Pas beralih kepada Jati, walaupun ia bukan sebuah pertubuhan politik.

"Apa yang dilakukan oleh Hasan sangat merunsingkan bukan sahaja Pas malah keseluruhan parti-parti dalam pakatan pembangkang. Ini kerana beliau mampu memberikan kesan besar dan menumbangkan pembangkang," katanya.

Katanya, bimbang terhadap pengaruh Hasan, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyerang behau dengan pelbagai gelaran tetapi pada masa sama Anwar sendiri menyembunyikan keburukannya.

Kelohan LUKMAN ISMAIL
lukman@utusan.com.my